KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

كمنترين كبودايان بليا دان

چانڠ

CANANG

JULAI 2019

"Semua negara tidak terkecuali Brunei, berada dalam zaman yang serba mencabar. Cabaran itu pula adalah pelbagai, perlu dihadapi dengan cara masing-masing. Cabaran dalaman bagi negara kita ialah mempastikan bahawa, kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk dapat diwujudkan melalui pelbagai rancangan, seperti rancangan memberikan perkhidmatan yang baik, penyediaan prasarana, yang merangkumi banyak bidang, seperti kesihatan, pendidikan, perundangan, pembangunan, perhubungan dan lain-lain. Semua ini dihasratkan untuk menjamin kehidupan yang berkualiti.

Agensi-agensi Kerajaan juga dibebankan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan, selaras dengan harapan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik. Sementara Warga Perkhidmatan Awam pula mestilah bersedia untuk memainkan peranan yang berkesan selaku pemudahcara atau fasilitator, bukan hanya sebagai pengawalselia atau regulator.

Di peringkat antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan dasar hormat menghormati sesama negara tanpa mengira apa jua ideologi. Yang penting, dasar ini memandu kita untuk tidak mencampuri urusan dan kepentingan mana-mana pihak, selaras dengan konsep memelihara dan menghormati kedaulatan masing-masing. Brunei juga akan terus komited, tidak akan menarik diri dari bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk menangani cabaran-cabaran semasa yang utama, seperti isu perubahan iklim, pencemaran alam sekitar, ancaman keganasan dan ekstremisme."

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sempena

Hari Ulang Tahun
Keputeraan Baginda Yang Ke-73 Tahun
12 Zulkaedah 1440 / 15 Julai 2019

Majlis Khatam Al-Quran Dan Doa Kesyukuran Sempena Bulan Bahasa 2019

BERAKAS, Isnin, 1 Julai 2019 - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) buat julung kalinya mengungkayahkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Bulan Bahasa 2019 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas. Majlis tersebut akan dijadikan sebagai acara tahunan DBP sempena Sambutan Bulan Bahasa bagi tujuan meraih keberkatan serta mendukung dan membudayakan amalan membaca ayat-ayat suci Al-Quran dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Salam Aidilfitri
Dengan Ingatan Tulus Iklas
Maaf Zahir dan Batin
Majlis Sambutan
Pejabat Terbuka Aidifitri
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Bahagian Kebudayaan dan Kesenian
Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa
Bahagian Perkhidmatan Sosial
Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan
Unit Teknologi Maklumat
1 Julai 2019
Dewan Digadong

SUNGAI AKAR, Rabu, 3 Julai 2019 – Majlis Perasmian Bulan Bahasa 2019 berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar. Ketika berucap pada majlis tersebut, Yang Berhormat berkata, rakyat dan penduduk di negara hendaklah berbangga dan tidak malu untuk berbahasa Melayu, terutama sekali dalam media sosial yang semakin melangkaui sempadan perhubungan lebih-lebih lagi dalam era Revolusi Industri 4.0. Rakyat dan penduduk diseru agar sama-sama memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu tanpa mengira umur, lapisan masyarakat ataupun latar belakang, khususnya dalam kalangan remaja dan belia ke arah mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis juga diselajurkan dengan pelancaran buku-buku terbaharu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) disempurnakan oleh Yang Berhormat, iaitu Gagasan Ketatanegaraan dalam Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien hasil kajian Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim; dan buku mini Onomatopeia hasil kajian Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBP.

GADONG, Ahad, 7 Julai 2019 - Lebih 200 ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dari pelbagai peringkat menyertai Seminar Menuju 100 Tahun Berpengakap di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Ibu Pejabat PPNBD, Gadong. Seminar tersebut adalah bersempena dengan sambutan Hari Pengakap Sedunia yang disambut pada 1 Julai setiap tahun. Yang Di-Pertua PPNBD, Awang Haji Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dalam ucapannya menjelaskan antara tujuan seminar tersebut adalah untuk meneliti dan menilai semula kejayaan, kekuatan dan jurang (gap) dalam PPNBD; mengenal pasti keperluan bagi meningkatkan lagi imej dan kejayaan PPNBD; mengenang jasa kepimpinan-kepimpinan pengakap terdahulu, di samping mendukung Wawasan Negara 2035. Yang Berhormat Menteri KKBS dalam ucaptamanya menjelaskan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), di peringkat antarabangsa berjaya menghulurkan sumbangan yang signifikan kepada Badan-Badan antarabangsa antaranya termasuk Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik (Asia-Pacific Regional Scouts Conference), Pertubuhan Kerjasama Serantau Pengakap ASEAN (ASEAN Scout Association For Regional Cooperation) dan Perhimpunan Pengakap Kelana ASEAN pertama (ASEAN Rover Moot) 2018. Pencapaian ini menunjukkan PPNBD mampu dan hendaklah diteruskan dalam memainkan peranan mustahak dalam pembangunan negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai 2019 - Majlis Projek Prihatin I berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Projek Prihatin I merupakan projek percubaan (pilot projek) Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan (BKP), Perundingan Kampung (MPK) RPN Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri dengan kerjasama KKBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), bagi membantu keluarga yang mempunyai tanggungan yang ramai dan tidak mencukupi tetapi mempunyai kemahuan yang tinggi untuk berusaha dan mencari pendapatan sendiri. Antara inisiatif projek ini ialah membantu peserta yang telah terpilih untuk diberikan alat mesin rumput bagi mereka menjalankan usaha khidmat memotong rumput untuk menambah pendapatan keluarga mereka. Acara diteruskan dengan penyerahan bantuan mesin rumput kepada tiga peserta Projek Prihatin I, iaitu Mohammad Fakhrul Zul Azmi bin Haji Yusof berusia 29 tahun dari RPN Kampung Mengkubau; Nazri Azimi bin Asnan, 28 tahun dari RPN Meragang dan Mohammad Khairul Azdi bin Haji Mohammad Tamit, 31 tahun dari Wasai Limuru, RPN Tanah Jambu.

09.07.2019
KUNJUNGAN HORMAT
YANG BERHORMAT TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR
PENGERUSI JAWATANKUASA KESIHATAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI JOHOR, MALAYSIA

10.07.2019
Pemilihan Pembaca Ikrar Utama
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, Tahun 2019
Dewan Citra Budaya

BERAKAS, Khamis, 11 Julai 2019—Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Doa Hajat bagi bakal-bakal jemaah haji untuk memohon keselamatan perjalanan pergi dan balik bagi seramai 11 orang bakal Jemaah haji warga KKBS. Majlis didahului dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah dan bacaan Ratib Al-Attas, diikuti Lagu Hari Kebangsaan bagi menzahirkan rasa cinta dan taat setia kepada raja yang dikasihi dan diteruskan dengan tazkirah bertajuk ***'Haji Yang Mabrur'*** oleh Awang Haji Abd Halim bin Haji Fuad, tenaga pengajar Al-Quran dari Jabatan Belia dan Sukan. Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma dan Doa Selamat kepada bakal-bakal jemaah haji dan diakhiri dengan bacaan Doa Hajat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Julai. - kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa dipandang berat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, lebih-lebih lagi kepada mereka yang ditimpa musibah. Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan berjumlah BND29,800 diagihkan kepada 22 ketua keluarga yang terlibat dalam bencana banjir di Kampung Kapok, Kampung Mata-Mata, Kampung Tungku dan Kampung Jangsak; kebakaran rumah di Kampung Junjungan, serta musibah rumah roboh di Kampung Lurong Dalam, Kampung Saba Darat 'B' dan Kampung Pekan Lama. Pihak kementerian menyedari bahawa pengagihan bantuan kewangan ini amat perlu dilaksanakan dengan sesegeranya dan melalui JAPEM, sedang berusaha untuk mengemas kini proses penyiasatan dengan bantuan agensi-agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri agar pembayaran dapat diserahkan kepada mangsa yang berkelayakan dengan menetapkan KPI bagi penyerahan bantuan dalam tempoh 30 hari waktu bekerja selepas berlakunya kejadian bencana. Majlis tersebut berlangsung di Dewan Citra Budaya, bangunan KKBS.

JERUDONG, Sabtu, 13 Julai 2019 - Persembahan Charity Music anjuran Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berlangsung di Jerudong Park Ampitheatre. Ia bertujuan untuk menampilkan bakat dan kebolehan para pelajar berkeperluan khas dan bagi mengutip dana untuk penuntut pusat berkenaan. Semua hasil persembahan akan disalurkan ke pusat berkenaan dalam menyediakan pendidikan, rehabilitasi dan latihan untuk para pelajarnya.

14 Julai 2019, Ahad 2019 – Seramai empat orang pengusaha belia berpadi melaksanakan aktiviti mengatam padi bertempat di Tapak Projek Belia Berpadi, Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan. Padi varieti Sembada 188 yang ditanam merupakan salah satu varieti padi yang berpotensi dan dipercayai mempunyai hasil purata lima hingga enam tan metrik sehektar dalam satu musim berbanding varieti lain sebelum ini. Penanaman padi berkenaan mula dilaksanakan pada 5 April 2019 dan adalah merupakan hasil tuaian pertama sejak projek ini mula dilaksanakan. Berdasarkan keaktifan dan komitment yang telah mereka tunjukkan dalam musim penanaman padi sebelum ini, mereka telah disokong dan dianugerahkan untuk mengusahakan ladang padi Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan berkeluasan 8 hektar dan diusahakan secara berkumpulan oleh empat (4) belia pengusaha belia berpadi terdiri daripada:

Haji Masnawi bin Haji Mohammad, Pengusaha Perusahaan Haji Masnawi selaku Ketua Ladang.
Muhammad Abdul Rasyid bin Kamarudjaman, Pengusaha Syarikat Al-Rasyid.
Hairinshah bin haji Tahirudin, Pengusaha Hyren Agrotex Global Success Enterprise.
Muhamad Yunos bin Kepli, Pengusaha U-Nos K Enterprise.

Adalah diharapkan agar aktiviti penanaman padi yang diusahakan oleh para belia ini dapat menarik lebih ramai belia yang berminat untuk berkecimpung dalam industri penanaman padi. Pihak Kerajaan melalui Pusat Pembangunan Belia (KKBS) dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (KSSUP) akan sentiasa membukakan peluang kepada para belia yang berminat sama ada dalam sektor penanaman sayur, buah-buahan, padi dan ternakan melalui program dan kursus yang diaturkan. Dan juga adalah hasrat negara untuk meningkatkan produktiviti agar mampu menjamin bekalan permakanan negara bagi menampung pertumbuhan penduduk dan survival bangsa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai 2019 - Majlis Penutup Program *'YDC Lights On'* diselajurkan dengan Penyampaian Sijil kepada seramai 16 orang peserta program yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan PGGMB. Pusat Pembangunan Belia (PPB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyaksikan seramai 6 orang pelatih berjaya meneruskan fasa 3 dan 4 Program *YDC Lights On*, manakala 4 orang terpilih untuk penubuhan satu konsortium F&B di bawah penubuhan konsortium YDC. Program *YDC Lights On* bermula pada 8 Julai lalu dan berakhir pada 16 Julai dengan pembentangan kertas kerja yang dinilai oleh pihak PPB dan BIBD. Pelatih yang berjaya meneruskan fasa 3 dan fasa 4 akan membuat persiapan untuk 'showcase' yang bakal diadakan pada 1 Ogos 2019 bersempena Hari Belia Kebangsaan. Program YDC Lights On adalah program yang julung kalinya diadakan oleh PPB dengan kerjasama bersama BIBD yang berhasrat untuk mendapatkan sokongan daripada BIBD dalam melahirkan belia yang mandiri juga tidak hanya menunggu peluang pekerjaan dari sektor kerajaan dan swasta, seterusnya menjadikan BIBD sebagai salah satu rakan strategik PPB dengan memeterai Memorandum Persefahaman bersama ke arah menjadikan PPB sebagai satu pusat kecemerlangan dan memperkasakan golongan sasaran.

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Jumaat, 19 Julai 2019 - Tema Mesyuarat AMMY XI, *"Mempertingkatkan Peranan Belia ASEAN dalam Pembangunan Mapan dan Integrasi Serantau".* Belia ASEAN akan terus memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan pembangunan dan kemapanan rantau ini. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited dalam melibatkan dan mengiktiraf pencapaian para belia melalui pendekatan senegara *(Whole of Nation)* dan juga mengongsikan beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta di Negara Brunei Darussalam termasuk memperkasa dan penglibatan belia; menggalakkan keusahawanan belia; dan pendidikan berkualiti tinggi sejajar dengan keperluan global. Yang Berhormat Menteri KKBS juga menyatakan adalah menjadi hasrat negara untuk menyemai dan memupuk belia yang energetik dan bersemangat kental, Negara Brunei Darussalam akan terus menyaksikan pembangunan yang signifikan dalam mencapai pembangunan mapan di dalam negara dan juga ASEAN.

****

Awang Md. Iqbal Fakhri bin Awang Damit, Pengasas Bersama Hand4Hand, dari Negara Brunei Darussalam, menerima Anugerah Belia ASEAN tahun ini semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-11 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao. Anugerah disampaikan oleh Setiausaha Agung Kesatuan Belia Laos, Tuan Yang Terutama Alounxai Sounnalath semasa Malam Gala yang diadakan bersempena dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Belia ASEAN Ke-11 baru-baru ini.

BERAKAS, Sabtu, 20 Julai 2019- Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Pencak Silat 'Terbuka PERSIB' (Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam - PERSIB) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Kejohanan selama 5 hari ini disertai oleh 11 pasukan, termasuk pasukan dari dalam dan luar negara, iaitu Daerah Brunei dan Muara; Daerah Tutong; Daerah Belait; Daerah Temburong; Majlis Sukan ABDB; Majlis Sukan Polis Diraja Brunei; Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam; Wilayah Kuching, Sarawak; Rumpun Seni Silat Lawas, Sarawak; Rumpun Seni Silat Bintulu, Sarawak; dan Persaudaraan Setia Hati Teratai. Sebanyak 7 acara dipertandingan pada kejohanan kali ini, iaitu Seni Silat Cakak Asli; Kuntau; Tanding dan Seni Silat Beladiri; Tunggal; Ganda; Regu; dan Berkelompok.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Julai 2019—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dengan kerjasama Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi ASEAN dan OIC menganjurkan Persembahan Malam Antarabangsa. Persembahan ini adalah untuk menyemarakkan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 dan juga bersempena Sambutan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Julai 2019 – Excel Event Planning dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Karnival Hari Keputeraan, dan *'Brunei Strongest Man and Woman'* merupakan salah satu aktiviti karnival tersebut. Seramai 28 peserta tempatan ikut serta dalam acara tersebut (23 peserta lelaki & 5 peserta wanita). *'Brunei Strongest Man and Woman'* dihasrat dapat menguji ketahanan fizikal dan mental serta membangun keupayaan masing-masing dan menggalakkan persaingan sihat dan mencabar. Pada acara tersebut, para perusahaan kecil dan sederhana juga berpeluang mempromosikan produk dan jualan masing-masing.

Brunei Strongest Man
Juara - Pengiran Roslannie bin Pengiran Jumat (5 minit 8 saat)
Kedua - Mohamad Fairul bin Haji Rashid (5 minits 36 saat)
Ketiga – Mohammad Ali Nizzam bin Ramli (5 minits 46 saat)

Brunei Strongest Woman
Juara – Alinawati binti Haji Aliakbar (8 minit 13 saat)
Kedua – Ayuni Alwk Jefferi (8 minit 50 saat)
Ketiga – Fauzian Abdullah (12 minit 19 saat)

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Julai 2019 – Bintang Belia Keputeraan anjuran ADPutera Event Management & Trading Services dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara memeriahkan Pentas Perayaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019. Seramai 12 peserta memperdendangkan pelbagai variasi lagu pilihan mereka, antara lain bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat belia yang baharu dalam bidang nyanyian.

Pelbagai persembahan salingan juga turut mengambil tempat bagi memeriahkan lagi Bintang Belia Keputeraan, antaranya persembahan daripada penyanyi tempatan, Raful Rezal, persembahan duet Neff Aslee dan Yaniey Junaini juga persembahan daripada enam Bintang Belia Keputeraan.

Belia Siaga Masa Depan

Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Kali Ke-14 akan diadakan pada Sabtu, 2 Zulhijjah 1440 bersamaan 3 Ogos 2019, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan tema *'Belia Siaga Masa Depan'*. Tema ini membawa maksud masa depan menjanjikan para belia sebagai pewaris bangsa dan negara kerana kelangsungan bangsa dan negara terletak kepada para belia. Pada tahun ini, fokus utama Perhimpunan Ramah Mesra Belia adalah Keusahawanan dan Teknologi dengan format berdasarkan 4 kluster utama, iaitu Ekonomi Kreatif *(Creative Economy);* Usahawan Sosial *(Social Entrepreneur);* Sukarelawan *(Volunteerism);* dan Aspek Pembangunan Berdaya Tahan *(Sustainable Development Area).* Adalah diharap dengan pelaksanaan sambutan kali ini akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia dalam aktiviti-aktiviti kebeliaan khususnya dan terlibat sama dalam usaha-usaha pembangunan negara amnya. Majlis diteruskan dengan penyampaian poster kepada wakil-wakil NGO dan persatuan-persatuan.

Acara-acara sampingan

- Khamis, 25 Julai 2019—Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib & Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran) di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik Kilanas bermula pukul 5.30 petang.
- Jumaat, 26 Julai 2019—Khutbah Jumaat khusus sempena Sambutan HBK 2019.
- 7-13 September 2019—Program Bas Belia
- Tertakluk pada ketetapan— Riadah Berbasikal (bersempena dengan Hari Keputeraan KDYMM Ke-73, Tahun 2019; Hari Keluarga Kebangsaan & HBK)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Julai 2019 - Bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran) bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas. Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) bertujuan untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan mengumpulkan belia-belia di negara ini dalam satu perhimpunan dengan kegiatan yang bermakna. Majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Rozisham bin Haji Chuchu, disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diketuai oleh Bilal masjid tersebut, Awang Haji Mohd. Faqih bin Haji Mohd. Suni. Manakala Doa Kesyukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit. Majlis diakhiri dengan Solat Fardu Isyak berjemaah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Julai 2019 - Creative Space Brunei mengadakan Pameran Emerge Eksklusif bertempat di Galeri Seni, Dermaga Diraja. Pameran ini dibahagikan kepada 2 kategori, iaitu *Moments* yang mempamerkan lukisan seramai 53 pelukis baharu kontemporari, manakala *Retrospective* mempamerkan lukisan oleh seramai 19 pelukis yang pernah menyertai Projek Emerge sebelum ini. Juga diadakan pada pameran tersebut, Pameran Solo karya Haji Osman Haji Mohammad, bertajuk 'Detik-Detik Melalui Masa' *(Moments Through Time)* yang mempamerkan karya seni beliau sepanjang dekad ini. Pengurus dan Kurator, Creative Space Brunei, Dayang Osveanne Nadiah binti Haji Osman dalam ucapannya menjelaskan, Pameran Emerge Eksklusif adalah bagi mengiktiraf pelukis-pelukis dan individu-individu yang telah bekerja keras menyumbangkan masa dalam membantu membangun inisiatif tersebut. Menurutnya lagi, mereka juga mempunyai impian agar pelukis-pelukis tempatan sentiasa giat berusaha agar satu masa nanti mereka juga akan dapat mengadakan pameran solo, bukan saja di dalam negara, bahkan juga di luar negara.

BELAIT, 28 JULAI 2019 – Kejohanan Bola Keranjang Terbuka Brunei, Piala Lau Koon Lung 2019 membuka tirai dengan 2 perlawanan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Gelanggang Bola Keranjang Kampung Baru.

Kejohanan tersebut mengumpulkan 8 pasukan dari seluruh daerah iaitu SRI, YTE Basketball, Homestage Realty, Illonggo-Black, Systematis Living, Master G Collection, New Village dan JNL-Eagle-Red bagi merebut gelaran juara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Julai 2019 - 2 kategori dipertandingkan pada malam '*Pertandingan Tarian Pop Tradisi Brunei*' yang dianjurkan oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, iaitu Kategori Kanak-kanak (murid-murid sekolah rendah) dan Kategori Belia (penggiat seni remaja) yang bertanding di Pentas Perayaan di kawasan letak kereta berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019.

Kategori Kanak-kanak
Johan—Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun
Naib johan—Sekolah Rendah Haji Mohd.Jaafar Maun, Kiulap
Ketiga—Sekolah Rendah Masin

Kategori Belia
Johan—Pasukan Gentara Begawan
Naib johan—Mahkota Dance Group
Ketiga—AJ dancer .

[29.07.19]

KUNJUNGAN HORMAT AHLI LEMBAGA PENGURUSAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK YANG BERUSAHA PROFESOR DR. SHAHREN AHMAD ZAIDI ADRUCE

[29.07.2019]
Sesi Perkongsian Sistem Pengurusan Kerja Secara Bergilir (Shift Work) daripada Pihak Kementerian Kesihatan
Dewan Citra Budaya, KKBS

TANAH JAMBU, Isnin, 29 Julai 2019 - Majlis Penyampaian Sijil Program Pembangunan Belia Kali Ke-19 menyaksikan seramai 186 pelatih PPB terdiri daripada 74 orang bagi sesi Januari dan 112 bagi sesi Julai 2017 menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan kursus di pusat berkenaan. Para penerima sijil terdiri daripada mereka yang mengikuti kursus-kursus seperti berikut:

Kursus *Level 2 Award in 2D Computer Aided Design*;
Kursus *Level 1 Diploma in Accident Repair Body*;
Kursus *Skill Proficiency Certificate in Basic Office Application System*;
Kursus *Skill Proficiency Certificate in Food Preparation*;
Kursus *Skill Proficiency Certificate in Food & Beverage Service;*
Kursus *Skill Proficiency Certificate in Basic Plumbing;*
Kursus *Skill Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air Conditioning;*
Kursus *Skill Proficiency Certificate in Fabrication, Welding and Pipe Work;*
Kursus Asas Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen, dan
Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan.

Dalam usaha untuk melahirkan lebih banyak sumber tenaga kerja yang berkualiti sama ada di peringkat separuh mahir mahupun mahir yang diperlukan dalam kalangan belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB) akan sentiasa menilai permintaan pasaran pekerjaan bagi memastikan keserasian kursus-kursus dengan permintaan pasaran.

[30.07.2019]
KUNJUNGAN PERPISAHAN
TUAN YANG TERUTAMA MOTOHIKO KATO
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK JEPUN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

[31.07.2019]
SESI PEMBENTANGAN PESERTA EKSEKUTIF MUDA KOHOT KE-4 (YEP-4) BAGI MODUL EXPERIENTIAL LEARNING (EL) MENGENAI PENEMPATAN DI KKBS DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA
DEWAN CITRA BUDAYA, KKBS

Unit Perhubungan Awam | Unit Perhubungan Awam | Unit Perhubungan Awam

Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh,

Info-foto (Penerangan)